

RM6.08 juta bunga ganja dirampas di Lembah Klang

Kastam kesan sindiket pilih dadah kerana nilai lebih tinggi di pasaran gelap

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Ganja yang diseludup melalui jalan udara kini dikesan beralih kepada bahagian bunga berbanding jenis mampat kerana nilai lebih tinggi di pasaran gelap.

Perubahan itu dikesan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sejak tahun lalu dan semakin ketara apabila sindiket dilihat lebih berani menghantar bunga ganja tanpa menyembunyikannya dalam barangan lain.

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan), Raizam Setapa, berkata bunga ganja hanya dibungkus dalam plastik dan dimasukkan ke dalam kotak sebelum dihantar ke syarikat kurier untuk penghantaran ke luar negara.



Raizam (tengah) menunjukkan bungkus ganja disita di Pusat Mel dan Kurier KLIA pada 29 April lalu.

(Foto Nor Azizah Mokhtar/BH)

“Trend ini dikesan sejak tahun lalu dan kita percaya terdapat permintaan tinggi terhadap bunga ganja berbanding ganja mampat. Dari Januari hingga hari ini (semalam) sahaja, JKDM Kuala Lumpur sudah menyita bunga ganja cuba diseludup bernilai RM6.08 juta.

“Untuk tempoh tahun ini sahaja, bermula Januari hingga hari ini (semalam), JKDM Kuala Lumpur sudah menyita bu-

nga ganja yang cuba diseludup bernilai RM6.08 juta,” katanya pada sidang media, di sini semalam.

Diseludup dari negara jiran

Raizam berkata, rampasan terbaharu bunga ganja pada 29 April lalu di Pusat Mel dan Kurier Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) membatikan berat 10.055 kilogram dianggarkan bernilai RM993,936.

Katanya, bahan terlarang itu dikesan Bahagian Penguatkuasaan JKDM Kuala Lumpur selepas pemeriksaan rapi ke atas beberapa bungkus yang diimbas dan imej menunjukkan ia mengandungi bahan organik.

“Bekalan dadah itu dipercayai diseludup masuk dari negara jiran sebelum sindiket di negara ini cuba menghantarnya ke luar negara menggunakan perkhidmatan mel udara,” katanya.